

21/09/1997

PM yakin ramai pelabur ikhlas akan ke Malaysia

HONG KONG: Di sebalik pengalaman pahit negara mengharungi permasalahan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, percaya masih ramai pelabur asing yang ikhlas akan datang ke Malaysia.

Perdana Menteri berkata, Asia masih menjadi rantau yang mampu memberi kemewahan kepada pelabur dan Malaysia akan terus berusaha menarik kemasukan mereka untuk membantu pertumbuhan ekonominya.

Katanya, memang banyak yang sudah digembar-gemburkan kononnya negara di Asia Tenggara dan Asia amnya menakut-nakutkan pelabur asing, tetapi berdasarkan pengalaman pahit baru-baru ini, rantau ini yang lebih gusar dengan pelabur asing.

"Selama ini kita berpendapat mereka (pelabur asing) akan membantu memajukan negara dan sehubungan itu, pelbagai usaha promosi menarik mereka melabur dalam pasaran saham dan kewangan dilakukan.

"Bagaimanapun, selepas apa yang mereka lakukan kepada kita kebelakangan ini, kita akan meneruskan usaha itu tetapi kali ini lebih berwaspada," katanya berucap pada seminar menjelang Mesyuarat Tahunan IMF-Bank Dunia di sini, semalam.

Perdana Menteri yang pada awal ucapannya menyindir dan mengecam pihak tertentu yang cuba menyekat kerancakan pertumbuhan ekonomi negara maju, mengulangi bahawa semua pihak perlu mendokong konsep 'Memajukan Jiran Tanpa Menjadikan Mereka Peminta Sedekah'.

Dalam ucapan bertajuk 'Ekonomi Asia: Peluang dan Cabaran' Dr Mahathir berkata, jika diberi peluang walaupun hanya separuh, Malaysia dan negara Asia tidak akan boleh menyamai kejayaan Jepun tetapi tidaklah terlalu papa.

"Jika negara Eropah dan Amerika Utara boleh mewah secara bersama, tiada sebab Asia kita tidak dibenarkan mengecapi nikmat kemewahan walaupun sedikit," katanya.

Dr Mahathir berkata, mana-mana negara tidak sepatutnya bimbang dengan kemewahan dan kemakmuran Asia kerana masing-masing turut akan mendapat manfaat daripadanya.

"Kita tidak akan bersatu untuk menentang semua negara lain. Oleh itu, fikirkanlah mengenai peluang di Asia dan ambillah kesempatan daripadanya," katanya.

Sementara itu, dalam sesi soal jawab bersama kira-kira 500 peserta seminar, Dr Mahathir berkata, Malaysia mempunyai caranya yang tersendiri untuk membezakan pelaburan asing yang tulen dengan yang bercorak spekulatif.

Ditanya mengenai nasihat beliau kepada negara membangun yang mahu menyertai pasaran bebas, Dr Mahathir sambil menunjukkan keratan akhbar mengenai tindakan negara Eropah mengenakan tindakan terhadap sebuah syarikat di sana kerana memberi diskaun kepada pelanggannya, berkata: "Sebenarnya pasaran terbuka tidak wujud.

"Ini adalah contoh yang baik. Eropah yang paling lantang memperjuangkan pasaran terbuka, gagal melaksanakannya. Adakah hanya negara membangun yang perlu dipersalahkan jika tidak membuka pasaran," tanyanya.

(END)